

# Mahkamah benar MRT jadi penceloh

**Kuala Lumpur:** Mahkamah Tinggi semalam, memutuskan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mempunyai kepentingan dalam projek pembinaan MRT Stesen Ampang Park.

Peguam Kanan Persekutuan, Nik Haizie Azlin Nabidin, berkata mahkamah membenarkan permohonan MRT Corp untuk menjadi penceloh dalam kes semakan kehakiman berhubung pengambilan tanah bagi projek itu.

Beliau berkata, Hakim Datuk Hanipah Farikullah membuat keputusan itu dalam kamar beliau.

“Dengan keputusan itu, ada tiga responden dalam kes semakan kehakiman ini iaitu Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan, Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan serta MRT Corp.

## 30 Jun tarikh perbicaraan semakan kehakiman

“Mahkamah menetapkan 30 Jun ini untuk mendengar perbicaraan semakan kehakiman berkenaan,” katanya ketika di-



**Jason (empat dari kiri) dan peniaga** pusat beli-belah Ampang Park selepas perbicaraan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO YAZIT RAZALI/BH]

temui di luar mahkamah, semalam.

Pada 20 Januari lalu, 39 pemilik strata pusat beli-belah Ampang Park memperoleh kebenaran bagi memulakan prosiding semakan kehakiman untuk mencabar kelulusan Pentadbir Tanah Wilayah Per-

sekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan berhubung pengambilan tanah bagi projek MRT.

Dalam permohonan itu, mereka selaku pemohon menamakan Kementerian Wilayah Persekutuan, Kerajaan Malaysia, Pentadbir Tanah Wilayah

Persekutuan dan Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan sebagai responden.

Pemohon bagaimanapun menarik balik permohonan semakan kehakiman itu terhadap Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Malaysia pada 20 Januari lalu.